

27 AUG 1999

DUTA MALAYSIA SARAN SYARIKAT PERU MELABUR DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Syarikat-syarikat Peru perlu meninjau peluang perniagaan di Malaysia memandangkan negara ini kini menjadi satu rakan perniagaan utama di Peru, kata duta baru Malaysia ke Peru, Datuk Mohd Yusof Ahmad.

Beliau menyerahkan watak pelantikannya kepada Presiden Alberto Fujimori di Lima awal minggu ini, demikian menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Mohd Yusof berkata sejak tiga tahun Kedutaan Malaysia ditubuhkan di Lima, hubungan dua hala telah meningkat dan nilai perniagaan telah bertambah.

"Malaysia mahu berkongsi kejayaan dan pengalamannya dengan Peru dan mempelawa pegawai Peru menyertai rancangan berdasarkan Program Kerjasama Teknikal Malaysia," katanya.

Fujimori dalam jawapan balasnya menyifatkan hubungan antara kedua-dua negara sebagai amat baik dan mengulangi penghargaan negaranya kepada Malaysia terutama sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap kemasukan Peru dalam APEC.

-- BERNAMA
ZUE LAT MAI